

09 AUG 2003

Musa-Makmal

KEMENTERIAN MINTA SENARAI MAKMAL KOMPUTER TAK SELAMAT DARI BPR

KOTA BAHARU, 9 Ogos (Bernama) -- Kementerian Pendidikan meminta Badan Pencegah Rasuah (BPR) menyerahkan senarai makmal komputer sekolah yang telah dikenal pasti mempunyai struktur bangunan tidak sempurna dan tidak selamat digunakan.

Menterinya, Tan Sri Musa Mohamad berkata kerjasama BPR itu mustahak supaya arahan dapat dikeluarkan kepada pelajar untuk tidak menggunakan makmal terbabit.

"Saya telah meminta Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan, Datuk Ambrin Buang berhubung dengan BPR untuk mendapatkan senarai makmal komputer yang dikatakan tidak selamat itu," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Pra Majlis Ambang Kemerdekaan dan Pengibaran Jalur Gemilang Jabatan Pendidikan Kelantan di sini, hari ini.

Musa mengulas kenyataan Timbalan Ketua Pengarah I BPR, Datuk Mohd Zawawi Mohd Nordin semalam bahawa BPR yang menyiasat penyelewengan pembinaan makmal komputer sekolah mendapati 50 peratus daripada 2,400 makmal yang sudah diperiksa mempunyai struktur bangunan tidak sempurna.

Musa juga berkata kementerianya telah mengarahkan semua 487 makmal di Kelantan, Pahang dan Terengganu tidak digunakan oleh pelajar untuk sementara waktu sehingga Jabatan Kerja Raya (JKR) mengesahkan makmal itu selamat.

"Sementara itu komputer dalam makmal terbabit telah dikeluarkan dan dimasukkan dalam kelas supaya pelajar dapat terus menggunakan komputer, oleh itu soal pembelajaran dan pengajaran terus berjalan," katanya.

Mengenai pujian Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap cara pembinaan makmal komputer di Sabah dan permintaannya supaya kontraktor di Semenanjung datang ke negeri itu melihat sendiri cara ia dilaksanakan, Musa berkata eloklah para kontraktor menerima saranan Perdana Menteri itu.

Sementara itu, Musa memberitahu terdapat 20 daripada 535 buah sekolah di Kelantan tidak mempunyai guru besar atau pengetua.

Katanya perkara itu timbul kerana proses pelantikan memakan masa disebabkan permohonan mengisi kekosongan dibuat agak lewat dan beliau memberi jaminan perkara itu akan diselesaikan secepat mungkin.

Beliau berkata dari segi pentadbiran melibatkan perancangan jangka panjang untuk sekolah terbabit akan terjejas.

"Saya memberi jaminan proses pembelajaran dan pengajaran di sekolah terbabit tidak terjejas kerana apabila sesebuah sekolah itu tidak mempunyai guru besar atau pengetua, penolong kanan yang terkanan akan mengambil alih secara automatik," katanya.

--BERNAMA

BD ZB